

21/12/2003

Galeria Sri Perdana rakam sumbangan Dr Mahathir

Veena Rusli

KUALA LUMPUR: Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata, Galeria Sri Perdana yang diwujudkan di kediaman lama Tun Dr Mahathir Mohamad bukan bertujuan mendewa-dewakan Perdana Menteri keempat.

Sebaliknya, Perdana Menteri menegaskan, ia bagi memberi peluang rakyat mengetahui dengan lebih mendalam cara kepemimpinan Dr Mahathir yang banyak memberi sumbangan terhadap kejayaan dan kemajuan Malaysia sepanjang 22 tahun menerajui negara.

"Galeria ini bukan usaha untuk mendewa-dewakan Dr Mahathir. Beliau juga tidak mahu begitu... Dr Mahathir berasa tidak senang jika didewa-dewakan dan tidak mahu dipuji atau disanjung.

"Malah ketika menjadi Perdana Menteri, Dr Mahathir tidak mahu apa-apa bangunan dinamakan dengan namanya. Beliau berkata, sebagai pemimpin kita kena buat kerja untuk majukan negara.

"Anak-anak Dr Mahathir pun sebenarnya berasa `malu' apabila bapa mereka terlalu dipuji," katanya ketika berucap pada majlis perasmian Galeria Sri Perdana di sini, semalam.

Hadir sama Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Datuk Abdul Kadir Sheikh Fadzir; Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Samsudin Osman dan Ketua Pengarah Arkib Negara, Rahani Jamil.

Sebelum ditukar menjadi Galeria Sri Perdana, bangunan di Jalan Damansara itu adalah kediaman rasmi perdana menteri iaitu Sri Perdana. Ia didiami oleh Dr Mahathir dan keluarganya dari 23 Ogos 1983 hingga 18 Ogos 1999 sebelum berpindah ke kediaman rasmi baru Perdana Menteri di Putrajaya.

Abdullah berkata, semua koleksi yang dipamerkan di Galeria Sri Perdana bertujuan mengenang segala jasa Dr Mahathir dalam membangunkan negara.

"Bagi saya dan rakan-rakan dalam jemaah Menteri, memang banyak peristiwa berlaku di Sri Perdana. Kalau dinding-dinding di sini boleh berkata-kata, banyak kisah pahit manis boleh diceritakan kerana di sinilah pelbagai peristiwa bersejarah dan mesyuarat berlangsung.

"Sayangnya dinding tidak boleh berkata-kata dan apa yang dilakukan Arkib Negara (menjadikan Sri Perdana sebagai Galeria Sri Perdana) wajar disanjung kerana banyak perkara dapat diabadikan." katanya.

Rakyat Malaysia secara keseluruhannya, tegas Perdana Menteri, berbangga dengan kejayaan semua pemimpin terdahulu dalam merangka hala tuju negara.

Abdullah berkata, pemimpin negara dipilih secara demokrasi dan memegang amanah serta tanggungjawab yang diberi oleh rakyat.

"Mereka dipilih oleh rakyat dan bukan diktator. Mereka membawa hasrat rakyat untuk memajukan negara dan memakmurkan bangsa", katanya.

Beliau berkata, segala tradisi, amalan dan dasar baik yang dilaksanakan sepanjang pemerintahan Dr Mahathir perlu dikekalkan kerana ia terbukti membawa kejayaan kepada negara.

"Kejayaan tidak akan diperoleh dalam masa singkat, jadi kita perlu terus berusaha melaksanakan perancangan yang baik untuk negara dari semasa ke semasa. Segala-galanya mengambil masa dan kita harus pastikan Malaysia terus maju," katanya.

Galeria Sri Perdana dibuka setiap hari kecuali Isnin, dari jam 10 pagi hingga 5 petang. Ia mula dibuka kepada orang ramai hari ini.